

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]
TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan tentang kedudukan terkini Rancangan
Jelapang Padi (IADA) Pekan Rompin seluas 25,000 ekar
demi memacu perkembangan ekonomi khususnya di sektor
makanan.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan seluas 10,305 hektar telah dikenal pasti sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan jelapang padi negara yang baru iaitu seluas 7,211 hektar di Pekan dan 3,094 hektar di Rompin. Untuk merealisasikan pembangunan padi secara komersial di kawasan ini bagi meningkatkan produktiviti, kerja-kerja pembangunan menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Dengan tertubuhnya IADA Pekan dan IADA Rompin ini, infrastuktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saluran bagi kawasan-kawasan tersebut dapat dipertingkatkan bagi membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek. Pada masa ini, purata pengeluaran padi di

kawasan Pekan adalah sebanyak 2.4 tan metrik sehektar manakala bagi kawasan Rompin pula sebanyak 3.67 tan metrik sehektar. Kesan daripada pembangunan ini, dijangkakan potensi pengeluaran padi selepas penubuhan kedua-dua IADA menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 6 tan metrik sehektar iaitu peningkatan sebanyak 150% bagi IADA Pekan dan 63% bagi IADA Rompin.

Penubuhan kedua-dua IADA juga akan memberi kesan positif kepada peningkatan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Diunjurkan purata pendapatan pesawah selepas penubuhan kedua-dua IADA adalah sebanyak RM7,200 sehektar semusim iaitu peningkatan sebanyak 160% bagi IADA Pekan berbanding sebelum penubuhan IADA iaitu sebanyak RM2,760 sehektar semusim dan 70.6% bagi IADA Rompin berbanding sebelum penubuhan IADA iaitu sebanyak RM4,220.50 sehektar semusim.